

## **Ulasan Buku/*Book Review***

*Penilaian Dampak Sosial* (Social Apparent Evaluation) oleh Mohd Razali Agus dan Yahaya Ibrahim (ed./Penyusun). 2003. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. 319 halaman. Ulasan oleh Mohd Ekhwan Hj. Toriman.

Di Malaysia, kajian mengenai penilaian dampak sosial (SIA) dalam pelaksanaan sesuatu projek pembangunan bukanlah suatu yang baru. Kajian tersebut dijalankan sebagai sebahagian daripada proses penilaian dampak alam sekitar (EIA) yang telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) pindaan 1985. Walaupun tidak diperincikan dari segi prosedur pelaksanaan SIA, terdapat sekurang-kurangkan tiga tema kemanusiaan yang terkandung di dalam EIA iaitu (i) Astetika dan kebudayaan, (ii) Kesihatan dan keselamatan dan (iii) Sosial dan ekonomi. Justeru, lahirlah pelbagai pendekatan dan tatacara pelaksanaan SIA dalam kajian-kajian EIA sehingga kadangkala menimbulkan kekeliruan dan isu prioriti di kalangan ahli sains sosial. Selain itu, wujud juga perdebatan antara ahli sains sosial dan sains tulen dan gunaan mengenai kepentingan kajian SIA dan kajian EIA.

Penghasilan buku *Penilaian Dampak Sosial* susunan Mohd Razali Agus (UM) dan Yahaya Ibrahim (UKM) merupakan himpunan 26 kertas kerja yang dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu (i) Isu dan Perkembangan Penilaian Dampak Sosial, (ii) Prosedur dan Pelaksanaan Penilaian Dampak Sosial, dan (iii) Kajian-kajian Kes Dampak Sosial. Buku ini bolehlah dianggap sebagai antara sumber rujukan asas dalam kajian penilaian dampak sosial memandangkan ruang perbincangannya yang mencakupi konsep, prosedur dan penyediaan manual dampak sosial dan aplikasinya di dalam konteks pembangunan negara. Walaupun masih terdapat kekurangan dari segi pembentukan gagasan idea dampak sosial, namun melalui beberapa perbincangan yang diutarakan, diyakini buku ini mampu meminimumkan dampak negatif terutamanya dari aspek sosio ekonomi dan budaya di samping terdapat juga cadangan mitigasi dalam aspek pembangunan fizikal.

Dari segi penyusunan dan penekanan idea, buku ini terlebih dahulu mengengahkan kerelevan penilaian dampak sosial dalam menangani isu dan pembangunan sosial, kesejahteraan masyarakat dan justifikasi sosial dalam bidang kejuruteraan. Dari segi aplikasinya, SIA berfungsi sebagai cara mengenal pasti dampak sosial sebelum sesuatu cadangan projek ataupun program dilaksanakan ke atas individu dan keseluruhan komuniti yang terlibat. Dalam konteks ini, keberkesanan SIA telah dibincangkan secara terperinci oleh Asmah dan Rahimah (hlm: 7-13) dengan mengambil kira kepentingan awam. Justeru itu, pemahaman terhadap kumpulan sosial yang terlibat dengan mengambil kira latar belakang pendidikan dan kesediaan menyesuaikan diri terhadap dampak pembangunan boleh mempengaruhi keberkesanan SIA. Namun begitu, secara praktisnya, ramalan ke atas SIA tidaklah semudah EIA. Hal ini disebabkan tindakan

dan reaksi di kalangan anggota masyarakat yang terlibat adalah pelbagai bergantung kepada darjah dampak yang diramalkan. Perkara ini telah dibahaskan dengan lebih mendalam oleh Sharifah Norazizan (hlm: 14-22) yang menekankan bahawa amalan baik dalam SIA seharusnya dilihat juga dari perspektif pembangunan sosial, iaitu sensitiviti terhadap perasaan dan kebolehan manusia. Dengan mengambil contoh pembangunan di sebuah bandaraya, beliau menekankan konsep ‘mushawarah’ dan adil dengan penglibatan setiap wakil masyarakat dalam apa juga perancangan yang dilaksanakan.

Buku ini seterusnya mengemukakan perbincangan yang berkisar kepada tata cara dan pelaksanaan SIA melalui pembentukan model inventori SIA (Abd Main, hlm: 39-47). Penulis makalah ini mencadangkan prosedur SIA yang turut mengambil kira kepuasan, keselesaan dan kesesuaian sesuatu projek yang ingin dilaksanakan. Melalui model ini, beliau mencadangkan beberapa fasa yang melibatkan struktur demografi, kemudahan sosial, keahlian institusi, keselamatan dan kebebasan, kebudayaan dan etnik serta sifat-sifat psikologi penduduk. Berdasarkan model yang beliau kemukakan, penyediaan laporan SIA seharusnya tidak melibatkan kepentingan individu tetapi kepentingan kumpulan dan mengikut garis panduan tertentu.

Soalannya adakah semudah itu SIA dapat dilaksanakan dalam kerangka model yang dikemukakan?. Soalan ini cuba diungkap melalui tajuk prosedur dan pelaksanaan penilaian dampak sosial oleh Abdullah Sani (hlm: 48-61). Beliau membataskan SIA dalam konteks Malaysia berdasarkan hanya 78 peratus daripada 50 laporan terkini EIA yang mengandungi pemerihalan latar belakang berkaitan sosioekonomi. Beliau turut mempersoalkan sama ada SIA patut dilaksanakan secara berasingan atau sebahagian daripada laporan EIA. Beliau turut mencadangkan tata cara pelaksanaan SIA mengikut acuan EIA dengan memberi tumpuan kepada aspek-aspek berikut, iaitu kajian latar belakang, mengenal pasti dan menilai kesan dan langkah kawalan serta rancangan pengawasan dan odit. Selain itu, aktiviti-aktiviti lain yang tidak tersenarai di dalam Perintah EIA, 1987 seharusnya juga turut diberi perhatian walaupun terpaksa meminda atau menambah senarai projek dan takat ambang yang diwajibkan.

Faktor pengawasan dan audit sekali lagi diberi tumpuan oleh Ahmad Kamarulnajuib dan Che Ibrahim (hlm: 94-101). Memandangkan tiada mekanisme dan pengalaman pengawasan audit di dalam SIA, penulis mencadangkan agar kerja-kerja pengauditan SIA dilakukan mengikut amalan EIA yang sedia ada. Hal ini adalah mustahak bagi memastikan setiap projek yang telah dilaksanakan tidak mendatangkan dampak negatif kepada anggota masyarakat terlibat. Justeru, pengawasan dan audit merupakan dua prosedur yang sangat penting dan Jabatan Alam Sekitar merupakan agensi yang bertanggungjawab melaksanakannya.

Jamilah pula (hlm 147-152) telah mengemukakan satu pelan penyediaan “*manual of the best practices*” bagi SIA. Seperti juga EIA yang telahpun mempunyai manual yang tersendiri, SIA seharusnya perlu dilengkapkan dengan satu garis panduan yang boleh dijadikan rujukan oleh ahli-ahli sains sosial.

Manual EIA sedia ada perlulah disusun dengan menerapkan elemen-elemen SIA. Untuk itu, satu kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli sains sosial diperlukan. Manual ini diharap dapat berperanan sebagai rujukan asas dalam mengenal pasti, mengunjur, menilai dan mengawal dampak sosial yang mungkin terbit hasil daripada pelaksanaan cadangan-cadangan pembangunan.

Bahagian ketiga buku ini mengenangkan kajian-kajian kes dampak sosial. Kajian-kajian kes ini meliputi pelbagai dimensi seperti pembangunan, globalisasi dan dampak sosiobudaya melibatkan pelbagai golongan masyarakat seperti golongan Melayu (Wan Abd. Kadir, hlm:181-190), peserta/ peneroka FELDA (Asan Ali dan Hassan Ali, hlm:191-202), penduduk bandar (Mohd Taib, hlm: 203-216), golongan nelayan (Yahaya, hlm: 248-270) dan Orang Asli (Siti Nor dan Juli Edo, hlm: 278-290). Aspek agama yang diketengahkan oleh Wan Abd. Kadir merupakan isu yang agak relevan dalam konteks keharmonian dan kesejahteraan sosial. Aspek agama, khususnya Islam di kalangan orang Melayu sepatutnya diberi penekanan dalam pelaksanaan sesuatu projek pembangunan. Hal ini memandangkan agama itu sendiri adalah sebahagian daripada kesatuan sosial dan budaya orang Melayu. Oleh itu, beliau mencadangkan agar usaha memperkuuhkan pendidikan Islam, penekanan kepada moral dan akhlak melalui kaedah-kaedah perancangan sosial adalah penting dan tidak harus diketersampingkan dalam membina sebuah masyarakat Malaysia yang harmonis dan sejahtera.

Beberapa contoh kajian empirikal dampak sosial turut dimuatkan di bahagian ketiga buku ini. Migrasi keluar generasi kedua peserta FELDA merupakan antara perkara yang diberi tumpuan. Walaupun tidak dikaitkan secara langsung dengan SIA, namun migrasi keluar generasi kedua FELDA yang sudah tentu tertarik dengan pembangunan di kawasan bandar telah mengakibatkan kesan negatif kepada sosioekonomi peserta FELDA. Hal ini boleh dilihat berdasarkan pelbagai masalah yang wujud seperti rumah peneroka yang terbiar, tanah rancangan yang tidak diusahakan, menggajikan buruh asing serta menjual tanah kepada orang luar.

Dampak fizikal terhadap sosioekonomi penduduk Langkawi telah turut dibincangkan oleh Moha Asri dll (hlm: 231-247). Terdapat perubahan sosioekonomi positif jika dibandingkan Langkawi sebelum mencapai taraf pelabuhan bebas. Perubahan dampak tersebut lebih mengarah kepada peningkatan taraf hidup penduduk setempat melalui peluang pekerjaan yang lebih baik, kemudahan asas yang sempurna dan peningkatan sektor perkhidmatan dan perniagaan. Dalam kes yang hampir sama, Yahaya turut melihat dampak sosial dan ekonomi aktiviti pelancongan ke atas golongan penduduk maritim di Pulau Redang Terengganu. Dengan mengambil contoh-contoh dari dalam dan luar negara, beliau membincangkan dengan terperinci bagaimana sektor pelancongan mampu mengubah kualiti hidup penduduk setempat. Walaupun masih jauh ketinggalan berbanding dengan pusat-pusat peranginan lain di Malaysia, penduduk maritim di Pulau Redang sedang mengalami transformasi kehidupan yang lebih baik. Hal ini dapat diperhatikan melalui penglibatan mereka

di dalam aktiviti-aktiviti berdasarkan pelancongan. Namun begitu, beliau sekali lagi menekankan bahawa arus pembangunan yang rancak di Pulau Redang tidak seharusnya menghakis tradisi dan amalan turun temurun yang menjadi model penduduk tempatan.

Kepada ahli-ahli sains sosial, khususnya yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dalam penyediaan laporan SIA, penerbitan buku ini amat berguna sebagai maklumat tambahan ke arah penghasilan laporan yang lebih bersistematik dan terfokus ke arah kehidupan sosial, ekonomi dan politik masyarakat. Selain tu, banyak rujukan yang dilampirkan di setiap kertas kerja boleh dijadikan sebagai maklumat tambahan bagi mengukuhkan rangka konsep SIA. Secara keseluruhan, kedua-dua editor/ penyusun telah menggarap buku ini dengan menarik dan sesuai dibaca di semua peringkat masyarakat-ahli akademik, para pentadbir, teknokrat dan awam. Walaupun terdapat serba sedikit kesilapan ejaan, namun ia tidaklah mencacatkan keseluruhan isi kandungan buku ini. Dengan tiga tema saling kait yang dibincangkan, para pembaca tidak akan menghadapi masalah bagi memahami konsep dan seterusnya melihat contoh-contoh kajian kes dengan lebih mendalam lagi.

Mohd Ekhwan Hj. Toriman, PhD.  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia